

Headline	PLUS jaga 270,000 pokok sepanjang lebuh raya		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Aug 2024	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	17	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	199 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,615
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,844



PLUS jaga 270,000 pokok sepanjang lebuh raya

Kuala Lumpur: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjaga kira-kira 270,000 pokok termasuk 23,225.76 meter persegi tumbuhan renik sepanjang lebuh raya kendaliannya.

Komitmen itu sekali gus menunjukkan syarikat konsesi itu komited dalam menjayakan agenda kelestarian dan pemeliharaan alam sekitar.

Selain itu, PLUS juga memanfaatkan teknologi hijau dan cekap tenaga termasuk tenaga boleh diperbaharui merangkumi pengubahauan lebih 37,000 lampu diod pemancah cahaya (LED) sepanjang lebuh rayanya.

PLUS turut memasang sistem solar fotovoltaik (PV) solar di pejabat dan fasilitinya.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar, berkata apa yang dilakukan bertepatan dengan misi PLUS untuk menghubungkan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang selamat dan lestari.

“Ia dengan komitmen untuk menyokong aspirasi dan rancangan kelestarian negara melalui operasi lebuh raya yang peka terhadap penjagaan alam sekitar, bertanggungjawab terhadap keperluan sosial serta menegakkan nilai tadbir urus yang baik.

“Usaha pemeliharaan alam sekitar PLUS bertujuan memberi pendekatan aktif bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan jejak alam sekitar.

“Usaha-usaha ini berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 27 peratus berbanding garis dasar 2017,” katanya mererusi kenyataan, semalam.

Baru-baru ini, PLUS menganjurkan program Pemuliharaan Hutan dan Kesedaran Alam Sekitar

yang menampilkan pelbagai agensi berkaitan.

Program berkenaan menampilkkan hasil penyelidikan mengenai perhutanan tropika oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan inisiatif pemuliharaan hidupan liar oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Aktiviti lain adalah pameran pertanian bandar oleh perusahaan sosial Eats, Shoots & Roots, kesedaran mengenai sifat penyembuhan tumbuh-tumbuhan oleh Little Eden Succulents yang diterajui oleh usahawan wanita dan pemeliharaan seni dan kraf tangan berasaskan alam semula jadi oleh Global Environment Centre (GEC) dan Pertubuhan Sahabat Gambut Asli Temuan (SGAT).



Nik Airina Nik Jaffar